

25 AUG 1998

ISTERI PM RAMAH MESRA DENGAN WANITA BN SELANGOR

SHAH ALAM, 25 Ogos (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menghadiri majlis ramah mesra dengan Wanita Barisan Nasional (BN) Selangor di sini, hari ini.

Majlis itu adalah aturcara berasingan Siti Hasmah yang menemani Dr Mahathir yang mengadakan lawatan kerja sehari ke negeri Selangor.

Ketibaan beliau di perkarangan Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah disambut oleh isteri Menteri Besar Selangor, Datin Wan Noor Daud dan isteri-isteri anggota Exco dan Dewan Undangan Negeri serta pegawai kanan kerajaan.

Beliau kemudian diiringi oleh Wan Noor ke Bilik Gerakan di tingkat 2 bangunan itu untuk mengadakan perjumpaan dengan Wanita BN.

Selepas itu Siti Hasmah melawat pameran barangan buatan Malaysia yang dihasilkan oleh golongan wanita di Selangor dan Pusat Penerangan Pelancongan Selangor sebelum bertolak ke kediaman rasmi Menteri Besar di Bukit Megawati di sini untuk menghadiri majlis makan tengah hari dengan Perdana Menteri.

-- Bernama

Km oba